

PENDIDIKAN ISLAM

Masa: 2 jam 30 menit

Kertas 1 (1223/1)

[100 markah]

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ
وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ وَلَا تَهْنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

(Surah Ali Imran :137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang konsep sunnatullah. Berdasarkan ayat di atas:

- (i) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** konsep sunnatullah [2 markah]
- (iii) Jelaskan kesan memahami sunnatullah. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** pengajaran ayat. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

إِلَّا ظِلٌّ لَا يَوْمَ ظِلِّهِ فِي اللَّهِ يُظِلُّهُمْ سَبْعَةَ قَالٍ وَسَلَّم عَلَيْهِ اللَّهُ صَلَّى النَّبِيِّ عَنْ هُرَيْرَةَ أَبِي عَنْ
تَحَابًا وَرَجُلَانِ الْمَسَاجِدِ فِي مَعْلَقٍ قَلْبُهُ وَرَجُلٌ رَبِّهِ عِبَادَةٌ فِي نَشَأٍ وَشَابُّ الْعَادِلِ الْإِمَامُ ظِلُّهُ
اللَّهُ أَخَافُ إِنِّي فَقَالَ وَجَمَالٍ مَنْصِبٍ دَاتُ امْرَأَةٌ طَلَبْتُهُ وَرَجُلٌ عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ اجْتَمَعَا اللَّهُ فِي
عَيْنَاهُ فَفَاضَتْ خَالِيًا اللَّهُ ذَكَرَ وَرَجُلٌ يَمِينُهُ تُنْفِقُ مَا شِمَالُهُ تَعْلَمَ لَا حَتَّى أَخْفَى تَصَدَّقَ وَرَجُلٌ
(البخارى رواه)

Hadis di atas menjelaskan tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas;

- (i) Nyatakan maksud seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.[2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh perbuatan mencintai masjid. [2 markah]



(iii) Huraikan bagaimanakah cara anda mengimarahkan masjid dalam konteks anda sebagai seorang remaja? [4 markah]

(c) Terangkan mana-mana satu hukum tajwid berkaitan qalqalah. [2 markah]

2 (a) Al-Raqib adalah salah satu daripada 99 nama Allah SWT yang mulia.

(i) Apakah maksud Allah SWT bersifat ar-Raqib? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah bersifat ar-Raqib. [4 markah]

Disiplin yang tinggi mampu menjadi penghalang daripada tingkah laku yang buruk.

(iii) Kaitkan pernyataan di atas dalam konteks keimanan kepada ar-Raqib. [4 markah]

(b) Setiap muslim wajib memelihara iman daripada terbatal.

(i) Nyatakan **dua** cara iman seseorang boleh terbatal. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** contoh perbuatan yang boleh membatalkan iman. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** cara menjauhi perkara yang boleh membatalkan iman. [4 markah]

3 (a) Perkahwinan merupakan tuntutan untuk memenuhi keperluan fitrah manusia .

(i) Nyatakan maksud perkahwinan. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** syarat bagi setiap rukun nikah berikut: [4 markah]

- a) Saksi
- b) wali

(iii) Jelaskan hukum dan alasan bagi situasi berikut: [4 markah]

- a) Bakal suami tiada dalam majlis akad nikah kerana melanjutkan pengajian di luar negara.
- b) Seorang saksi yang bisu dan pekak telah menjadi saksi perkahwinan Azura.

(b) Waktu dhuha adalah waktu selepas antara syuruk dan masuk waktu zohor yang mana kita disunatkan untuk mengerjakan solat dhuha.

(i) Apakah maksud solat dhuha? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** hikmah solat sunat dhuha. [4 markah]

Nabi SAW telah mewasiatkan kepada Abu Hurairah RA agar tidak meninggalkan solat Dhuha ini:

أَوْصَانِي خَلِيلِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثٍ: صِيَامٍ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ،
وَرُكُوعَتِي الصُّحَى، وَأَنْ أُوتِرَ قَبْلَ أَنْ أَنَامَ

Maksudnya: "Kekasihku (Muhammad SAW) mengingatkan akan daku supaya melakukan tiga perkara iaitu: **berpuasa tiga hari pada setiap bulan**, melaksanakan **solat Dhuha sebanyak dua rakaat** dan melakukan **solat Witir sebelum tidur**." [Riwayat al-Bukhari (1880) dan Muslim (721)]

(iii) Berdasarkan hadis di atas, bagaimanakah ibadat solat sunat dhuha dapat membuktikan ketaqwaan kepada Allah SWT? [4 markah]

4 (a) Keagungan dan kegemilangan Kerajaan Uthmaniyah menjadi kebanggaan umat Islam hingga ke hari ini.

(i) Nyatakan pusat pemerintahan pertama Kerajaan Uthmaniyah. [1 markah]

(ii) Nyatakan **dua** khalifah Kerajaan Uthmaniyah yang terkenal selain Sultan Muhammad al-Fateh. [2 markah]

(iii) Jelaskan **tiga** sumbangan Sultan Muhammad al-Fateh dalam membangunkan Kerajaan Uthmaniyah. [3 markah]

Pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah seperti Muhammad al-Fateh telah berjaya membuka mata dunia mengenai peranan pemuda dalam bidang pemerintahan.

(iv) Kemukakan persediaan anda untuk memberikan sumbangan kepada negara seperti tokoh di atas. [4 markah]

(b) Imam Malik berasal daripada keturunan Arab yang terhormat dan dimuliakan.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Malik. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan Imam Malik kepada Islam. [2 markah]

(iii) Terangkan bukti kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu. [2 markah]

(iv) Huraikan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada kesungguhan tokoh empat mazhab untuk diamalkan dalam dunia serba moden sekarang. [4 markah]

- 5 (a) Setiap insan mempunyai hak istimewa yang perlu dihormati. Begitu juga bagi insan-insan yang istimewa seperti orang kurang upaya.
- (i) Apakah maksud orang yang kurang upaya? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** adab terhadap orang yang kurang upaya dari aspek ibadat. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** hikmah beradab terhadap orang kurang upaya. [2 markah]



Terdapat segelintir ahli masyarakat yang tidak peduli dengan kewujudan tandas kepada golongan orang kurang upaya yang terdapat di premis-premis awam dan akhirnya menyusahkan golongan yang disasarkan ini.

- (iv) Berikan pendapat anda bagi menangani sikap sebegini. Huraikan. [4 markah]
- (b) Sikap tawadhuk adalah sifat mulia warisan para nabi , rasul, sahabat dan tabi'in. Sikap ini perlu disandarkan pada niat yang ikhlas kerana Allah.
- (i) Nyatakan maksud tawadhuk [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** contoh sifat tawadhuk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan sikap tawadhuk dalam kehidupan seharian. [4 markah]

Soalan tamat

